



SIRI SEMINAR PERSAINGAN 2019: KATAKAN TIDAK KEPADA TIPUAN BIDA

ISKANDAR ISMAIL
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MyCC

TARIKH: 8 OGOS 2019
KOTA KINABALU



SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION

MARI BANTERAS TIPUAN BIDA!

OBJEKTIF AKTA 712

PROSES PERSAINGAN



PENGGUNA

- HARGA KOMPETITIF
- PILIHAN
- KUALITI




PERUSAHAAN

- INOVASI
- KEUSAHAWANAN
- KECEKAPAN




PERTUMBUHAN EKONOMI MAMPAH

PELANGGARAN UTAMA



MyCC ADALAH BADAN SEPARA KEHAKIMAN



SEKSYEN 40 - PENALTI KEWANGAN

Jika Suruhanjaya memutuskan bahawa terdapat suatu pelanggaran larangan Akta Persaingan 2010-

- Menghendaki pelanggaran itu dihentikan serta-merta.
- Menyatakan langkah-langkah yang dikehendaki supaya perusahaan tersebut menghentikan pelanggaran itu.
- Mengenakan apa-apa arahan lain yang sesuai.
- Boleh mengenakan penalti kewangan:

**MAKSIMUM 10 % DARIPADA PUSING GANTI
(TURNOVER) SELURUH DUNIA**





SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION

MENDALAMI TIPUAN BIDA

CONTOH PERJANJIAN ANTI-PERSAINGAN





Malaysia Competition Commission





HOME / MALAYSIA

MyCC busts eight companies for bid-rigging, proposes RM1.9m in penalties

Published 1 week ago on 05 March 2019

By Danial Dzulkifly



IN MALAYSIA

JUST IN POPULAR

7 minutes ago

Apakah “Bidaan”?

- Bidaan adalah proses persaingan untuk mencapai nilai yang terbaik dalam aktiviti tender.
- Bidaan boleh dijalankan dalam beberapa cara seperti bidaan terbuka, bidaan tertutup dan sebagainya.



Dasar Perolehan Kerajaan


- Seksyen 6(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk menyelia dan menyelaras perolehan kerajaan

Cara Perolehan

- Kerajaan memperolehi barang dan perkhidmatan melalui SEBUTHARGA ATAU TENDER TERBUKA
- Tender awam ditawarkan melalui proses bidaan
- Bidaan secara elektronik
- Rundingan Terus juga digunakan; ikut polisi dan syarat



RISIKO DALAM SEBUTHARGA DAN TENDER TERBUKA



JIKA DIENDAHKAN TIPUAN BIDA...



Jangka Panjang

- Perusahaan tidak perlu lagi bersaing sesama sendiri
- Industri dan perusahaan menjadi tidak cekap
- Kualiti produk tidak berkadar dengan kos
- Penggunaan wang pungutan cukai yang tidak cekap



Jangka Pendek

- Harga kontrak kekal tinggi. Agensi tender terpaksa membayar kos-kos yang tidak sepatutnya
- Halangan kepada pengagihan sumber yang cekap

KESAN POSITIF MEMBENTERAS TIUAN BIDA



- Harga pada 18 bidaan telah jatuh 20 peratus melalui bidaan yang kompetitif (Jepun)
- Kos Ubat-ubatan di Afrika Selatan telah menurun secara purata 27 peratus melalui tindakan undang-undang persaingan
- Penjimatan USD 3.1 juta untuk Lembaga Air dan Pembetungan Karachi (Pakistan)
- Pengurangan ketara dalam harga elektrik di Bangladesh
- Penjimatan 47% dalam perolehan barang ketenteraan di Colombia
- 43% penjimatan dalam kos membeli ubat di Guatemala

Perlaksanaan *Arahan Perolehan Awam Kesatuan Eropah* di antara tahun 1993 dan 2002 menjana penjimatan kos sebanyak EUR5 bilion ke EUR 25 bilion.

JENIS-JENIS TIPUAN BIDA

**BIDA
TERSELINDUNG**
(Cover Pricing)

**BIDAAN YANG
MENINDAS** (Bid
Suppression)

**PENARIKAN BALIK
BIDA** (Bid
Withdrawal)

**BIDAAN SECARA
GILIRAN** (Bid
Rotation)

**BIDA TIDAK
MEMATUHI** (Non
Conforming Bids)



JENIS-JENIS TIPUAN BIDA

BIDAAN TERSELINDUNG

- Pembida-pembida bersepakat bagi menyerahkan secara sengaja harga bida yang lebih tinggi daripada harga yang diserahkan oleh pembida yang telah ditetapkan untuk mendapatkan tender tersebut

BIDAAN YANG MENINDAS

- Semua pihak yang berpakat tidak membida dan ia membenarkan satu pihak yang telah ditentukan terlebih dahulu memenangi sesuatu tender.

PENARIKAN BALIK BIDA

- Pembida-pembida yang bersepakat menarik balik bida mereka secara sengaja pada penghujung tempoh bida, meninggalkan pembida terpilih untuk memenangi bida tersebut

BIDAAN SECARA GILIRAN

- Pembida mangambil giliran bagi menyerahkan sesuatu harga tender yang paling kompetitif, atau harga yang paling rendah (dan akhirnya memenangi kontrak tersebut).

BIDAAN TIDAK MEMATUHI

- Pembida yang bersepakat secara sengaja menyerahkan bida yang tidak mengikut terma dan syarat yang ditentukan di dalam tender.



SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION

MENGESAN TIPUAN BIDA



LANGKAH KURANGKAN RISIKO TIPUAN BIDA

- Bangunkan data tentang pasaran terutama pemain-pemain pasaran, harga-harga terkini dan pilihan atau alternatif kepada barang dan perkhidmatan
- Galakkan penyertaan yang banyak dan sentiasa mengajak pemain-pemain baru untuk masuk bidaan
- Sentiasa tambahbaik prosedur dan syarat-syarat untuk menyenangkan penyertaan
- Elakkan elemen bidaan dari senang dijangka serta memberi fleksibiliti yang melampau dalam definisi produk atau perkhidmatan yang diperlukan
- Kurangkan peluang untuk pembida-pembida berkomunikasi antara sesama sendiri dan anda sendiri jangan terlalu ‘ramah’ dengan pembida
- Berikan syarat-syarat jelas serta kriteria penilaian yang telus dan adil



SENARAI SEMAK UNTUK MENGESAN TIPUAN BIDA

- a) Tanda dan corak bidaan pembida-pembida dalam Mengemukakan Bidaan;
- b) Tanda-tanda dalam borang bidaan yang perlu diperhatikan;
- c) Tanda-tanda berkenaan harga yang perlu diperhatikan;
- d) Kenyataan pembida yang mencurigakan; dan
- e) Kelakuan Pembida yang mencurigakan

TANDA DAN CORAK YANG MENCURIGAKAN

- Lihat kepada corak bidaan seperti:
 - Pembida/Pengusaha yang sama memenangi tender
 - Pembida/Pengusaha yang sama menyerahkan bidaan dan bergilir-gilir memenangi tender
 - Tawaran bersama atau subkontrak yang tidak perlu
 - Butir bidaan mempunyai persamaan ketara atau hampir sama
 - Perbezaan Bidaan yang dibuat terlalu jauh
 - Perbezaan bidaan dalam peratusan yang tepat




TANDA-TANDA MENCURIGAKAN DI DALAM DOKUMEN BIDAAN

- Kesilapan yang sama, bentuk dokumen bidaan yang sama, kos anggaran yang sama
- Mempunyai alamat, nombor telefon, pekerja yang sama
- Tanda-tanda bahawa bidaan yang dibuat adalah tidak benar kerana tidak mempunyai butiran yang lengkap atau tidak mengikut terma yang disediakan



TANDA-TANDA MENCURIGAKAN DI DALAM HARGA

- Kenaikan harga mendadak yang tidak dapat dijelaskan, atau kehilangan diskaun secara tiba-tiba tanpa penjelasan munasabah
- Perbezaan harga yang meragukan:
 - Mengikut kawasan;
 - Agensi kerajaan;
 - Pembeli kerajaan atau sektor swasta
- Persamaan harga atau terma ketara yang tidak munasabah






Kenyataan mencurigakan

- Terdapat tanda-tanda komunikasi di antara pembida
- Kenyataan seperti “harga industri” atau “harga biasa”
- Tanda-tanda pelanggan tertentu atau kawasan tertentu dimiliki oleh pembida tertentu
- Tanda-tanda pembida seakan-akan tahu bahawa mereka tidak akan memenangi sesuatu tender atau seperti tahu pembida yang bakal memenangi tender

Contoh-contoh kelakuan meragukan

- Pesaing akan berjumpa secara sulit seperti di dalam mesyuarat persatuan
- Pembida menghantar bidaan bagi pihak pembida-pembida lain
- Pembida-pembida membuat pertanyaan yang sama



APABILA DISYAKI ADA ELEMEN TIPUAN BIDA...

- Simpan semua rekod dan dokumen. Tipuan bida boleh berlaku atau dikesan sebelum, semasa dan selepas pemenang dipilih
- Hubungi MyCC segera
- Ketahui bahawa bukan anda atau organisasi anda disiasat tetapi sebenarnya membantu MyCC dan Kerajaan menyiasat pembida-pembida
- Berikan ruang kepada MyCC untuk membuat penilaian awal
- Lakukan penilaian atau jalankan proses seperti biasa
- Jika anda dihalang, diganggu atau diugut, ingat slogan “Saya yang menjalankan amanah” dan MyCC boleh melindungi anda

USAHA SURUHANJAYA DALAM MENENTANG TIPUAN BIDA

- Melancarkan buku garis panduan ***“BANTU KAMI KENAL PASTI TIPUAN BIDA”***. Buku garis panduan ini befungsi sebagai salah satu bahan rujukan bagi sektor awam ataupun swasta berkenaan tipuan bida
- Melancarkan buku garis panduan ***“Garis Panduan Menentang Tipuan Bida Dalam Perolehan Awam”*** pada Jun 2014




KESIMPULAN





SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION

ISU PERSAINGAN DALAM MONOPOLI




Monopoli adalah satu perkataan yang berasal daripada bahasa Greek: '*mono*' bermaksud 'satu' + '*poly*' didefinisikan sebagai 'peniaga'.

Oleh itu, Monopoli adalah satu keadaan di mana hanya terdapat **satu perusahaan** yang membekalkan barang atau perkhidmatan dalam sesuatu pasaran kepada pengguna.




Monopoli → 100% *market shares*, tidak mempunyai pesaing dalam pasaran. Oleh yang demikian, perusahaan ini **tidak mempunyai kekangan persaingan** (*competitive restraint*) daripada pesaing dalam pasaran.


Kedudukan dominan → *Market shares* melebihi **60%** dan ke atas sama ada secara sendiri atau secara kolektif oleh beberapa syarikat; Perusahaan ini **mempunyai pesaing dalam pasaran**, justeru **terdapat *competitive restraint*** daripada pesaing dalam pasaran.



MITOS TENTANG KUASA MyCC



MyCC adalah
penguatkuasa
harga



Monopoli adalah
dilarang

Kedudukan monopoli adalah tidak bertentangan AP 2010 kerana monopoli boleh berlaku disebabkan keefisienan sesuatu perusahaan dalam mengendalikan bekalan barang atau perkhidmatan yang tidak mampu dilaksanakan oleh perusahaan-perusahaan yang lain; atau disebabkan oleh inovasi yang dilakukan oleh sesuatu perusahaan. Perusahaan seperti Bernas, Puspakom, Pharmaniaga dan MyEG mempunyai kedudukan monopoli dalam pasaran kerana telah diberikan perjanjian konsesi oleh pihak kerajaan. **Perkara ini tidak bertentangan dengan AP 2010**





PENYALAHGUNAAN KEDUDUKAN DOMINAN

Seksyen 10 (1) Akta Persaingan 2010

Suatu PERUSAHAAN adalah DILARANG UNTUK TERLIBAT, SAMA ADA SECARA SENDIRIAN ATAU KOLEKTIF, dalam apa-apa PERLAKUAN YANG BERUPA SUATU PENYALAHGUNAAN KEDUDUKAN DOMINAN dalam mana-mana pasaran bagi barang atau perkhidmatan.



MYCC MEMBUKTIKAN KES-KES PELANGGARAN SEKSYEN 10 AP 2010 DENGAN CARA: -

- 1) Menentukan terlebih dahulu sama ada perusahaan tersebut mempunyai **kedudukan dominan** atau tidak dalam satu-satu pasaran barang atau perkhidmatan di Malaysia.
- 2) Kemudian, MyCC akan melihat kepada perlakuan perusahaan tersebut, sama ada mereka **telah melakukan perkara** yang boleh disifatkan sebagai penyalahgunaan kedudukan dominan di bawah AP 2010.
- 3) Seterusnya, MyCC akan mengenal pasti sama ada perlakuan-perlakuan tersebut **menjejaskan pesaing dan/atau pengguna** kepada perusahaan dominan tersebut.
- 4) Akhir sekali, MyCC juga akan mengambil kira sekiranya terdapat **justifikasi komersial** bagi perlakuan-perlakuan perusahaan dominan tersebut.

APAKAH PENDAPAT ANDA TENTANG:

- 1) Gabungan GRAB dan UBER?
- 2) Gabungan LaFarge Holcim dan YTL Cement?
- 3) Nestle? Visa?
- 4) Astro?
- 5) MSM dan CSR?
- 6) MyEG?
- 7) Pfizer dan ubatnya?

SOALAN?

atau

iskandar@mycc.gov.my





Malaysia Competition Commission

TERIMA KASIH

